

**PENGUASAAN METODE RASM UTHMANI DI KALANGAN GURU PENDIDIKAN ISLAM
SEKOLAH RENDAH AGAMA INTEGRASI DI SELANGOR**

*The Mastery of Rasm Uthmani Method among Islamic Education Teachers in Intergrated Primary
Religious Schools in Selangor*

Shaharuddin Pangilun¹, Mohd Mahfuz Jaafar¹,
Rohana Zakaria¹, Hayati Hussin² & Abdul Rahim Ahmad³

shaharuddin.pangilun@kuis.edu.my, mohdmahfuz@kuis.edu.my,
rohana@kuis.edu.my, hayati@kuis.edu.my & abdulrahim@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)¹
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)²
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)³

ABSTRAK

Penyelidikan ini merupakan kajian tahap penguasaan metode Rasm Uthmani dalam kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam (GPI) di Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) Selangor. Tujuan penyelidikan ini untuk mengenal pasti tahap dan masalah penguasaan metode Rasm Uthmani di kalangan GPI dalam memastikan gabung jalin Rasm Uthmani dengan Kurikulum Pendidikan Islam, Hafazan dan Tajwid yang dilaksanakan di SRAI. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif, di mana soal selidik telah diedar kepada responden di sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti. Ia juga berbentuk deskriptif bagi menjelaskan sesuatu kenyataan dengan menganalisis data daripada soal selidik yang diperolehi. Sebagai kesahan instrumen kajian ini, kajian rintis telah dijalankan di dua buah di Selangor. Hasil kajian mendapati tahap penguasaan Rasm Uthmani di kalangan GPI masih berada di tahap yang sederhana dan sangat perlu kepada penambahbaikan. Di harap penyelidikan ini dapat membantu meningkatkan penguasaan ilmu al-Quran di kalangan guru GPI agar menjadi lebih mantap, di samping dapat memberi pendedahan dan membimbing murid-murid dalam menguasai ilmu-ilmu al-Quran dengan lebih baik. Seterusnya, dapat membantu Kerajaan Negeri Selangor khasnya dan agensi-agensi berkepentingan dalam memastikan matlamat Pendidikan Islam dalam negara ini tercapai.

Kata Kunci: Guru Pendidikan Islam (GPI), Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI), Pendidikan Al-Quran (PAQ), Tilawah dan Hafazan, Rasm Uthmani.

Diserahkan: 30 November 2016

Diterima: 17 Mac 2017

ABSTRACT

The research is a study on the level of mastery of Rasm Uthmani among Islamic Education Teachers (IET) in Integrated Primary Religious Schools (IPRS) in Selangor. The purpose of the research is to identify the level and problem in the mastery of Rasm Uthmani method among IET in ascertaining the combination between Rasm Uthmani and Islamic Education, Hafazan and Tajwid Curriculum which is implemented in IPRS. The study used quantitative methodology, where questionnaires were distributed to respondents in schools which have been identified. It is also a descriptive manner to explain certain statements by analysing the data obtained from the questionnaires. For the validity of the questionnaire of the study, a pilot study was done in two schools in Selangor. The outcome of the study found the level of mastery of Rasm Uthmani among IET is still at moderate level and in dire need for improvement. It is hoped that this research can help improve the mastery of Qur'anic knowledge among IET so that it is more solid, besides able to expose and guide students to master the Qur'anic sciences better. Eventually, able to help the State of Selangor Government particularly and stakeholders in ensuring the Islamic Education aims are achieved in this country.

Keywords: *Islamic Education Teachers (IET), Integrated Primary Religious School (IPRS), Qur'anic Education (QE), Tilawah and Hafazan, Rasm Uthmani.*

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran al-Karim yang ditulis dengan *Rasm Uthmani* di zaman mutakhir ini telah tersebar dengan meluasnya ke seluruh dunia Islam. Ulama' telah mengambil perhatian, dengan melakukan kajian dan penjagaan yang teliti terhadap penulisan al-Quran yang ditulis oleh para sahabat r.a di hadapan Rasulullah S.A.W. Cukuplah apabila ditanya kepada Imam Malik r.a tentang apakah boleh menulis al-Quran mengikut ejaan semasa? Beliau menjawab mestilah menulis mengikut kaedah yang ditulis oleh penulis wahyu.¹ Kaedah tersebut telah dibukukan oleh ulama' dalam beberapa bentuk bahawa Rasm Uthmani mempunyai enam usul seperti berikut: *al-Hazf, al-Ziyadah, al-Badl, al-Hamz, al-Fasl wa al-Wasl, Ma fi qiraatain kutiba ala ihdahuma.*²

Penguasaan dan peranan guru memang tidak dapat dinafikan kerana boleh dikatakan setiap ahli masyarakat pada zaman moden ini melalui pendidikan yang diberikan oleh guru. Tidak ketinggalan juga guru yang mengajar dalam Pendidikan Islam iaitu guru Pendidikan Islam perlu melaksanakan tugas yang sama seperti mana guru lain dalam mendidik para pelajar, tanggungjawab kepada rakan sejawat, masyarakat dan negara. Maka menyampaikan ilmu secara sukarela dan ikhlas semata-mata kerana Allah merupakan jihad yang paling tinggi pada pandangan Islam seperti mana yang dituntut dalam syariat Islam.

Oleh itu menjadi tanggungjawab untuk memberi pendedahan kepada Guru Pendidikan Islam (GPI) yang secara langsung sebagai pemberi maklumat dan kefahaman terhadap murid-murid di peringkat sekolah rendah lagi dengan memberi pendedahan tentang sejarah penulisan, pengumpulan dan pembukuan mashaf al-Quran seterusnya membincangkan perkara yang berkaitan dengan penulisan Rasm Uthmani serta mendedahkan perkara berkenaan sab'ah ahruf dan kepelbagaian wajah qiraat terkandung di dalam Mashaf Rasm Uthmani.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sekolah Rendah Agama Integrasi atau ringkasnya SRAI merupakan sekolah projek rintis yang dilaksanakan bermula tahun 2000 oleh Bahagian Pendidikan Islam sehingga tahun 2010, sebelas (11) SRAI telah diwujudkan di lapan daerah. Sekolah ini menggabungkan Kurikulum Sekolah Rendah Agama JAIS dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KSSR). Waktu operasi pengajaran dan pembelajaran adalah dari jam 7.40 pagi hingga jam 4.00 petang kecuali SRAI Dato' Mufti Yusuf Shahabuddin. Kerajaan Negeri Selangor telah bersetuju melakukan perubahan ke atas pelaksanaan

¹ Ali Muhammad Dabba', *Samir al-Talibin Fi Rasm wa Dabt Kitab al-Mubin*, m.s. 19.

² Ahmad bin Muhammad al-Banna, *Ittihaf Fadala' al-Basyar*, tahqiq. Dr. Sya'ban Muhammad Ismail, juz. 1, cet. 1, (Kaherah: Makabah Kulliyah al-Azhar. 1987M/1407H), m.s 83.

pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor dengan melaksanakan kurikulum Agama bersepaduan KBSR. Ini bermakna Sekolah-Sekolah Rendah Agama Negeri Selangor akan melaksanakan KBSR sepenuhnya di samping Kurikulum Agama yang sedia ada. Sekolah yang terlibat dinamakan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI).

Pengubah suaian ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kualiti Pendidikan Agama Islam mengikut resolusi Tonggak 10 YAB Menteri Besar Selangor iaitu meningkatkan penghayatan, kefahaman agama Islam dan moral melalui pendidikan bersepadu serta menyeluruh terutama di kalangan generasi muda. Ini bermakna sistem pendidikan agama dan kebangsaan hendaklah diintegrasikan bagi membolehkan semua pelajar Islam di negeri ini memperoleh pendidikan Islam yang mampan dan mantap. Di samping keperluan masyarakat terhadap pendidikan Islam yang lebih mantap dan menyeluruh semakin meningkat. Sistem yang ada sekarang tidak mampu menerima arus perubahan yang besar ini.

Negeri Selangor adalah salah satu daripada negeri-negeri yang terdapat dalam Malaysia, ia terbahagi kepada sembilan daerah iaitu Daerah Petaling, Daerah Hulu Langat, Daerah Sepang, Daerah Hulu Selangor, Daerah Gombak, Daerah Klang, Daerah Kuala Selangor, Daerah Kuala Langat dan Daerah Sabak Bernam. Sekolah Rendah Agama Integrasi atau ringkasnya SRAI merupakan sekolah projek rintis yang dilaksanakan bermula tahun 2000 oleh Bahagian Pendidikan Islam, sebagai permulaan JAIS telah mengambil langkah membina dan membangunkan setiap daerah sebuah SRAI dan telah berjaya mempertingkatkan kefahaman dan tahap pengurusan berkualiti pada audit pemantauan MS ISO 9001:2008 pada 16 Jun 2011.

Institut SRAI merupakan sebahagian daripada institusi pendidikan Islam yang bertujuan untuk mencapai falsafah pendidikan Islam. Sistem pengajiannya adalah satu konsep pendidikan Islam yang sudah lama dilaksanakan seperti yang dituntut dalam Islam. Jenis sistem pendidikan ini adalah berada dalam satu rangkaian besar melalui satu hasrat dan cita-cita murni.

Guru seharusnya sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam subjek yang diajar agar sentiasa kemaskini, menarik, bertenaga dan berinspirasi. Ada kalanya murid bertanya perkara melebihi sukatan pelajaran atau kurikulum yang tertera dalam buku teks. Sekiranya guru berkebolehan menjawab dengan tepat bersama fakta dan bukti kukuh, pasti akan menimbulkan minat, keyakinan dan kecenderungan murid untuk mengikuti lanjutan epistemologi disiplin tersebut. Lebih menarik dan efektif sekiranya guru dapat menghidupkan ilmu berkenaan dan mengaitkan dalam kehidupan murid.

Murid akan melihat dan menilai ilmu yang dipelajari adalah berguna untuk dirinya pada masa ini dan akan datang.

Demikian sebaliknya, jika guru gagal untuk menjawab pertanyaan murid atau sentiasa menangguk jawapan, menyebabkan murid kurang berkeyakinan kepada guru tersebut dan hilang minat. Lebih-lebih lagi jika guru sentiasa menghalang murid-murid daripada bertanya perkara yang di luar kurikulum, sedangkan berminat untuk mengetahui, berkemungkinan mereka kehilangan kecenderungan untuk bertanya dan hilang minat untuk mempelajari subjek yang diajar oleh guru berkenaan. Jika halangan dan gangguan terhadap perkembangan murid-murid berlanjutan, situasi ini akan mengakibatkan perencatan dan pembunahan minat mereka untuk belajar.

Melihat kepada senario tersebut, adalah amat wajar sekali kerajaan negeri mengambil inisiatif bagi menambah baik penguasaan dan kemahiran di kalangan guru-guru Pendidikan Islam. Usaha ini sangat tepat masanya dengan melihat demi memperkukuh dan memartabatkan agama Islam di bumi Selangor ini pada masa akan datang.

2.1 Objektif Kajian

- 2.1.1 Mengenal pasti tahap penguasaan metode Rasm Uthmani di kalangan Guru Pendidikan Islam di SRAI.
- 2.1.2 Mengkaji masalah penguasaan Rasm Uthmani di kalangan Guru Pendidikan Islam.

2.2 Persoalan Kajian

- 2.2.1 Apakah tahap penguasaan metode Rasm Uthmani di kalangan Guru Pendidikan Islam di SRAI?
- 2.2.2 Apakah masalah penguasaan Rasm Uthmani di kalangan Guru Pendidikan Islam?

2.3 Kepentingan Kajian

Guru yang menguasai ilmu ini akan dapat membaca al-Quran dengan baik dan mengurangkan kesalahan dalam pembacaan al-Quran disamping dapat memelihara al-Quran dari sebarang penyelewengan. Selain itu, kajian ini juga dapat membantu meningkatkan pengetahuan murid-murid dengan adanya penekanan dan pengukuhan pada guru kerana mereka akan mampu mengaplikasikan dan menyampaikannya pada murid-murid dan secara tidak langsung juga kepada masyarakat.

2.4 Batasan Kajian

Kajian ini yang akan dilaksanakan dalam tempoh satu tahun ini terbatas kepada guru-guru Sekolah Rendah Agama Integrasi di seluruh negeri Selangor Darul Ehsan. Lokasi ini dipilih adalah kerana

pengkhususan mereka merangkumi objektif yang ingin dikaji dan silibus kurikulum yang digunakan adalah sama dengan silibus sekolah-sekolah dibawah kelolaan JAIS.

Kajian berkaitan penguasaan metode Rasm Uthmani ini dijalankan dengan menggunakan metode kuantitatif. Suatu instrumen soal selidik telah dibina dan dikaji serta diedarkan kepada responden bagi kajian rintis. Dengan ini, segala maklumat mengenai responden adalah berdasarkan maklumbalas melalui soalselidik. Oleh itu, kebolehpercayaan dapatan kajian bergantung kepada kesungguhan dan keikhlasan responden menjawab item-item di dalam soalselidik.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kaedah penyelidikan yang digunakan haruslah merujuk kepada bagaimana sesuatu maklumat itu diperolehi. Untuk mencapai sesuatu objektif yang telah ditetapkan Perancangan yang bersistematik akan dapat membantu memudahkan segala data dan maklumat dikumpulkan, dianalisis dan dinilai.

3.1 Reka Bentuk Kajian

Reka Bentuk Kajian ini juga berbentuk deskriptif kerana ianya menjelaskan sesuatu kenyataan itu dengan menganalisis sesuatu data itu daripada soal selidik yang dijalankan. Satu tinjauan telah dibuat terhadap tenaga pengajar mengenai minat mereka untuk berkerjaya di sekolah SRAI. Segala pandangan dan data yang diperolehi daripada mereka akan diklasifikasikan mengikut aspek yang telah ditentukan dan kemudian akan dianalisis secara kuantitatif untuk memperolehi maklumat yang sebenarnya.

3.2 Instrumen Kajian

Kajian ini adalah bersifat kuantitatif yang menggunakan kaedah tinjauan (*survey*) sebagai metodologi kajian. Soal selidik bertindak sebagai instrumen utama bagi kerja-kerja pemerolehan data melalui sampel yang telah dipilih secara rawak bagi mewakili populasi. Instrumen kajian yang dibina dan digunakan oleh penyelidik untuk kajian ini ialah borang soal selidik. Di mana responden yang terdiri daripada tenaga pengajar sebagai sampel kajian ini.

3.3 Kaedah Persempelan

Sampel bagi kajian ini adalah merangkumi sebelas buah sekolah rendah agama integrasi di seluruh negeri Selangor Darul Ehsan. Ianya difokuskan kepada guru-guru seramai 390 orang GPI yang mengajar dalam bidang pendidikan Islam dan al-Quran. Sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian penyelidikan ini ialah:

- Sekolah Rendah Agama Integrasi Seksyen 19

- Sekolah Rendah Agama Integrasi Dato' Mufti Yusuf Shahabuddin
- Sekolah Rendah Agama Integrasi Pekan Beranang
- Sekolah Rendah Agama Integrasi Bandar Baru Bangi
- Sekolah Rendah Agama Integrasi Salak Tinggi
- Sekolah Rendah Agama Integrasi Taman Keramat
- Sekolah Rendah Agama Integrasi Sungai Chinchin
- Sekolah Rendah Agama Integrasi Tengku Ampuan Fatimah
- Sekolah Rendah Agama Integrasi Bandar Baru Kuala Selangor
- Sekolah Rendah Agama Integrasi Sungai Manggis
- Sekolah Rendah Agama Integrasi Pekan Sabak.

3.4 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Bahagian ini akan memperihalkan data-data yang diperolehi melalui soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan “*Statistical Program for Sosial Sciences*” (SPSS). Data kemudiannya dianalisis secara deskriptif melalui peratusan dan min. Tujuan bahagian ini juga untuk membincangkan hasil analisis data tentang beberapa aspek tertentu seperti:

- Pengenalan asas kaedah Rasm Uthmani.
- Kurikulum pengajaran al-Quran berasaskan kaedah Rasm Uthmani.
- Masalah pengajaran al-Quran kaedah Rasm Uthmani.

Responden perlu memberi jawapan kepada soal selidik yang disediakan berdasarkan latar belakang pengetahuan mereka, berpandukan skala 1 hingga 5. Skala 1 menunjuk kepada respon sangat tidak setuju dan 5 untuk sangat setuju. Skor jawapan yang diperolehi diinterpretasikan seperti yang dicadangkan oleh Jainabee & Jamil (2009) dan Ab. Halim (2010). Skor min 4.21 – 5.00 menunjukkan responden bersetuju pada tahap yang sangat tinggi, min 3.41 – 4.20 menunjukkan persetujuan pada tahap tinggi, min 2.61 – 3.40 menunjukkan mereka bersetuju pada tahap sederhana, min 1.81-2.60 menunjukkan persetujuan pada tahap yang rendah, dan min 1.00 – 1.80 adalah menunjukkan tahap yang sangat rendah.

Jadual 1 : Skala yang digunakan dalam Instrumen penilaian

MIN	NILAI DATA	INTERPRETASI
1.00 – 1.80	1	Sangat Rendah
1.81 – 2.60	2	Rendah
2.61 – 3.40	3	Sederhana
3.41 – 4.20	4	Tinggi
4.21 – 5.00	5	Sangat tinggi

Sumber: Ahmad Sunawari Long (2014)

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Bahagian A: Latar Belakang Responden

Jadual 2: Latar Belakang Responden

LATAR BELAKANG	KATEGORI	SRAI	
		BIL (n)	%
Sekolah	SRAI Muhammadiyah Batu 1 Sabak Bernam	4	2.2
	SRAI Kuala Selangor	11	6.2
	SRAI Salak Tinggi	23	12.9
	SRAI Sungai Manggis	15	8.4
	SRAI TAF, Batu Belah	12	6.7
	SRAI Seksyen 7, Shah Alam	16	9.0
	SRAI Seksyen 19, Shah Alam	50	28.1
	SRAI Bandar Baru Bangi	6	3.4
	SRAI Sungai Chinchin	5	2.8
	SRAI Taman Keramat	7	3.9
	SRAI Beranang	29	16.3
Jantina	Lelaki	36	20.2
	Perempuan	140	78.7
Kelayakan Akademik	Ijazah	26	14.6
	Diploma	120	67.4
	STPM/STAM	7	3.9
	SPM/SANAWI	12	6.7
Bidang Pengkhususan Sarjana Muda / Diploma	Pengajian / Pendidikan Islam	136	76.4
	Bahasa Arab	20	11.23
Kelayakan Iktisas /Latihan Perguruan	Sarjana Muda Pendidikan	7	3.9
	Diploma Pendidikan IPTA	28	15.7
	KPLI Maktab perguruan	6	64.6
	Sijil / Diploma Perguruan	115	87.6
Matapelajaran yang diajar di sekolah	Pendidikan Islam	88	49.43
	Pengajaran Al-Quran	76	42.7
	Hafazan Al-Quran	53	29.78
	Tajwid	23	12.92
	Bahasa Arab	34	19.1
Pengalaman Mengajar	Kurang 1 Tahun	4	2.2
	1-3 Tahun	26	14.6
	4-6 tahun	18	10.1
	7 tahun keatas	128	71.9
Jawatan / tugas disekolah	Guru matapelajaran	147	82.58
	Ketua panitia	43	24.15
	Ketua bidang	-	0
	Guru Pakar	4	2.25
	Jurulatih utama/ eksekutif	11	6.18

	Pentadbir	-	0
	Lain-lain	8	4.49
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	Pernah	59	33.15
	Tidak Pernah	112	62.92
Kehadiran dalam Kursus Kurikulum Semakan pengajaran Al-Quran	Tidak pernah	45	25.3
	1 kali	46	25.8
	2-3 kali	56	31.5
	Lebih daripada 4 kali	26	14.5
Bahan yang terdapat dalam simpanan SRAI bagi matapelajaran Al-Quran	Sukatan pelajaran	163	91.57
	Huraian sukatan pelajaran	141	79.21
	Buku panduan guru	117	65.73
	Buku Teks	151	84.83
	Buku Panduan P&P	101	56.74
	Al-Quran kaedah Rasm Uthmani	130	73.03

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa latar belakang profil responden yang terbahagi kepada beberapa bahagian iaitu sekolah, jantina, kelayakan akademik, kelayakan ikhtisas, bidang, pengalaman mengajar, jawatan, kehadiran dalam kursus kurikulum Semakan pengajaran al-Quran dan bahan yang terdapat dalam simpanan SRAI bagi mata pelajaran al-Quran. Keseluruhan responden yang berjumlah 178 orang adalah dari sekolah-sekolah Rendah Agama Integrasi di seluruh negeri Selangor yang terdiri daripada 36 orang guru lelaki (20.2%) dan 140 orang guru perempuan (78.7%) dan masing-masing mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza.

Dari sudut kelayakan akademik, 120 responden merupakan lepasan Diploma (67.4%). Diikuti dengan lepasan ijazah seramai 26 responden (14.6%), SPM/SANAWI seramai 12 responden (6.7%) dan STPM/STAM seramai 7 orang (3.9%). Manakala dari aspek bidang pengkhususan, 136 orang responden dari seluruh SRAI mempunyai pengkhususan dalam bidang Pengajian Islam (76.4%) dan hanya 20 orang dalam bidang bahasa Arab (11.23%). Dari jumlah tersebut, 115 orang responden mempunyai kelayakan pengkhususan dalam sijil/diploma perguruan (87.6%) dan hanya 7 orang responden dalam Sarjana Muda Perguruan (3.9%).

Majoriti responden di SRAI mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dengan jumlah 49.43% (n=88), diikuti dengan pengajaran al-Quran 42.7% (n=76), Hafazan al-Quran 29.78% (n=53), Bahasa Arab 19.1% (n=34), dan Tajwid 12.92% (n=23). Terdapat 128 orang responden yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 7 tahun (71.9), 18 orang responden mempunyai pengalaman mengajar 4 hingga 6 tahun (10.1%), dan 26 orang mempunyai pengalaman 1 hingga 3 tahun (14.6%), manakala baki 4 orang responden mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 1 tahun.

4.2 Bahagian B: Analisis Pengenalan Asas Kaedah Rasm Uthmani

Jadual 4 : Analisis Pengenalan Asas Kaedah Rasm Uthmani

BIL	ITEM	MIN
B1	Rasm adalah suatu ilmu yang membincangkan bentuk-bentuk penulisan al-Qur'an	4.14
B2	Rasm Uthmani juga dikenali juga dengan nama Rasm Istilahi / Tauqifi	3.41
B3	Rasm Imla'i dikenali juga dengan nama Rasm Qiasi kerana penulisan berdasarkan sebutan	3.49
B4	Rasm Imla'i merupakan penulisan al-Quran mengikut dengan sebutan perkataan	3.83
B5	Penulisan dalam Rasm uthmani adalah tetap	4.01
B6	Penulisan Al-Quran bermula pada zaman Nabi, disalin semula pada zaman Saidina Abu Bakar dan Saidina Uthman	4.19
B7	Wajib menulis ayat-ayat al-Quran dengan kaedah Rasm Uthmani	4.22
B8	Mereka yang tidak memahami Rasm Uthmani harus menggunakan Rasm Imla'i	3.35
B9	Rasm al-Quran terbahagi kepada dua iaitu Rasm Imla'i dan Rasm Uthmani	3.63
B10	Terdapat enam kaedah Rasm Uthmani iaitu ziyadah, hazf, Hamz, Ibdal, Maqtu' wa mausul dan ma fi qira'atan	3.60
B11	Hazf adalah membuang huruf dari struktur kalimah	3.77
B12	Ziyadah ialah menambah huruf yang tidak dibaca ketika wasal atau waqf.	3.92
B13	Penulisan Hamzah adalah salah satu kaedah dalam Rasm Uthmani	3.70
B14	Ibdal bererti menggantikan sesuatu huruf dengan huruf ynag lain	3.83
B15	Maqtu' bererti dua kalimah yang ditulis secara berasingan	3.86
B16	Baris atas, bawah dan hadapan merupakan penandaan yang tidak termasuk dalam kaedah Rasm Uthmani	3.24
B17	Tanda-tanda waqf yang terdapat di dalam al-qur'an dinamakan Dhabt al-Quran	3.54
B18	Rasm Uthmani banyak digunakan dalam al-Quran al-karim manakala Rasm Imla'i ditulis dalam Quran Majid	3.97
Jumlah Analisis Pengenalan Asas Kaedah Rasm Uthmani		3.76

Jadual 4 di atas menunjukkan analisis Pengenalan asas kaedah Rasm Uthmani bagi SRAI. Secara keseluruhannya, jumlah analisis kefahaman mengenai pengenalan asas kaedah Rasm Uthmani berada di tahap yang tinggi iaitu min sebanyak 3.67. Jika melihat secara terperinci, item B 8 iaitu “Wajib Mereka yang tidak memahami Rasm Uthmani harus menggunakan Rasm” mendapat skor paling rendah iaitu min sebanyak 3.35. Baki item yang lain pula menunjukkan skor yang tinggi. Ini

menjelaskan bahawa, pengenalan asas terhadap Kaedah Rasm Uthmani di kalangan guru, berada di tahap yang tinggi dan perlu diperkembangkan.

4.3 Bahagian C: Analisis Kurikulum Pengajaran Al-Quran Berasaskan Kaedah Rasm Uthmani

Jadual 5 : Analisis Kurikulum Pengajaran Al-Quran Berasaskan Kaedah Rasm Uthmani

BIL	ITEM	MIN
C1	Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) membantu saya dalam proses P&P PAQ	4.18
C2	Saya telah mendapat pendedahan yang mencukupi mengenai sukatan pelajaran PAQ mengikut kaedah Rasm Uthmani	3.17
C3	Matlamat PAQ mengikut kaedah Rasm Uthmani yang terkandung dalam sukatan pelajaran adalah jelas	3.67
C4	Objektif setiap bidang pembelajaran PAQ mengikut kaedah Rasm Uthmani adalah lengkap	3.72
C5	Saya masih keliru bagaimana untuk melaksanakan pengajaran PAQ berasaskan kaedah Rasm Uthmani	3.19
C6	P&P berasaskan kaedah Rasm Uthmani dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran PAQ	3.87
C7	Hasil pembelajaran berasaskan kaedah Rasm Uthmani sesuai dilaksanakan dalam P&P PAQ	4.02
C8	Kandungan sukatan PAQ berasaskan kaedah Rasm Uthmani yang diaplikasikan sekarang amat sesuai digunakan	3.86
C9	Kaedah Rasm Uthmani merupakan kaedah yang mesti diaplikasikan dalam kurikulum PAQ	3.91
C10	Kandungan sukatan pelajaran al-Quran mengikut kaedah Rasm Uthmani amat sesuai untuk pelajar	4.02
C11	Pengalaman pembelajaran yang dicadangkan dalam PAQ Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) sesuai dilaksanakan	4.04
C12	Buku Panduan kaedah Rasm Uthmani membantu saya mengajar PAQ	4.19

Jadual 5 di atas menunjukkan dapatan analisis kurikulum pengajaran al-Quran berasaskan kaedah Rasm Uthmani. Secara keseluruhannya, jumlah analisis Kurikulum Pengajaran al-Quran berada di tahap yang tinggi, iaitu skor min sebanyak 3.86. Jika dilihat secara terperinci, terdapat 15 item berada pada tahap yang tinggi, dan hanya 2 item yang berada pada tahap yang sederhana dan 1 item berada pada tahap sangat tinggi.

Item yang berada pada tahap paling tinggi ialah pada item C15 iaitu pelajar-pelajar dapat mempraktikkan dengan betul kaedah-kaedah Rasm Uthmani yang telah dipelajari dengan skor min

3.86. Kemudian, disusuli dengan item C12, iaitu mengenai Buku Panduan kaedah Rasm Uthmani membantu saya mengajar PAQ dengan skor min 4.19.

Sementara item yang berada pada tahap yang paling rendah ialah item C2, iaitu “Saya telah mendapat pendedahan yang mencukupi mengenai sukatan pelajaran PAQ mengikut kaedah Rasm Uthmani” dengan skor min 3.17. Hal ini menunjukkan bahawa, walaupun aplikasi Kurikulum Pengajaran al-Quran Berasaskan Kaedah Rasm Uthmani berada ditahap yang baik namun terdapat sebahagian aspek yang sangat perlu dipertingkatkan kerana ianya melibatkan penguasaan kaedah pada guru tersebut.

4.4 Bahagian E: Analisis Masalah Pengajaran Al-Quran Kaedah Rasm Uthmani

Jadual 6: Analisis Masalah Pengajaran Al-Quran Kaedah Rasm Uthmani

BIL	ITEM	MIN
E1	Matlamat Pengajaran Al-Quran (PAQ) TIDAK jelas	2.65
E2	Objektif Pengajaran Al-Quran tidak sesuai dengan tahap pelajar	2.69
E3	Sukatan Pelajaran al-Quran kurang menekankan aspek rasm Uthmani	2.96
E4	Skop sukatan matapelajaran Pengajaran Al-Quran terlalu terhad	3.08
E5	Guru Pendidikan Islam kurang kemahiran ilmu-ilmu al-Quran	3.42
E6	Terdapat guru Pendidikan Islam kurang menguasai kaedah Rasm Uthmani	3.57
E7	Kaedah Rasm Uthmani agak sukar berbanding kaedah Rasm Imla'i	3.07
E8	Tidak ada kursus/latihan mengaplikasikan kaedah Rasm Uthmani dalam sesi P&P	3.60
E9	Buku panduan kaedah Rasm Uthmani tidak disediakan oleh pihak sekolah dalam sesi P&P	3.22
E10	Peruntukan waktu pengajaran PAQ tidak mencukupi	3.07
E11	Pengajaran berasaskan aras menimbulkan masalah pada guru PAQ	3.22
E12	Bilangan pelajar dalam kelas PAQ terlalu ramai	3.50
E13	Kemahiran berfikir pelajar semasa kelas PAQ terlalu rendah	3.30
E14	Peperiksaan / Penilaian PAQ tidak menepati objektif	2.57
E15	Sokongan pihak pentadbir sekolah terhadap PAQ tidak memuaskan	2.53
E16	Pelajar-pelajar tidak berminat terhadap mata pelajaran PAQ	2.60
E17	Bahan bantu mengajar PAQ kurang dipasaran	3.24
E18	Guru-guru bidang lain kurang bekerjasama dalam bidang PAQ	2.69
Jumlah Analisis Masalah Pengajaran Al-Quran Kaedah Rasm Uthmani		3.05

Berdasarkan Jadual 6 di atas, diketahui bahawa masalah pengajaran al-Quran kaedah Rasm Uthmani berada di tahap yang sederhana dengan skor min 3.05 bagi sekolah-sekolah SRAI seluruh Selangor. Masalah tertinggi yang diperoleh dari responden SRAI seluruh Selangor dalam Masalah Pengajaran Al-Quran Kaedah Rasm Uthmani adalah pada item E8 iaitu “Tidak ada kursus/latihan mengaplikasikan kaedah Rasm Uthmani dalam sesi P&P” dengan skor min 3.60.

Seterusnya diikuti item E6 bagi responden SRAI seluruh Selangor iaitu terdapat guru Pendidikan Islam kurang menguasai kaedah Rasm Uthmani dengan skor 3.69, dan disusuli item E12 iaitu Bilangan pelajar dalam kelas PAQ terlalu ramai dengan skor 3.50. Sementara item E16 menunjukkan masalah Pengajaran al-Quran kaedah Rasm Uthmani yang paling rendah iaitu pelajar-pelajar tidak berminat terhadap mata pelajaran PAQ dengan skor min 2.60 bagi responden SRAI seluruh Selangor. Di mana secara keseluruhan, masalah Pengajaran al-Quran Kaedah Rasm Uthmani ini perlu di atasi agar pengetahuan guru mengenai ilmu berkaitan dengan ulum al-Quran menjadi mantap dan tidak berlaku sebarang masalah dalam penyampaian ilmu kepada para pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

5.0 RUMUSAN KAJIAN DAN SARANAN

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk melihat dari sudut tahap penguasaan asas Rasm Uthmani dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam di SRAI. Berdasarkan objektif yang telah dinyatakan dapat dikenalpasti bahawa tahap penguasaan Rasm Uthmani dalam pelaksanaan kurikulum pengajaran al-Quran GPI adalah seperti berikut:-

- a) Secara keseluruhannya pengkaji mendapati tahap penguasaan kaedah Rasm Uthmani responden adalah tinggi dan sangat baik, namun perlu dipertingkatkan dan diperkasakan lagi bagi mengoptimumkan penguasaan Rasm Uthmani kalangan GPI. Di samping di teliti semula agar proses pengajaran dan pembelajaran dalam menyampaikan ilmu kaedah Rasm Uthmani ini dapat berjalan dengan lebih baik dan cemerlang serta memberikan kefahaman yang sepenuhnya kepada para pelajar.
- b) Dapatan kajian juga merumuskan bahawa penguasaan metode *Rasm Uthmani* kalangan GPI Sekolah Rendah Agama Integrasi di Selangor perlu diberi perhatian oleh pihak yang terlibat. Kurikulum yang telah disediakan perlu diambil selia terutamanya oleh pengetua dalam sesebuah sekolah. Selain itu, kurikulum juga memerlukan perubahan dari semasa ke semasa bersesuaian dengan perubahan zaman.

- c) Dari aspek pengajaran pula adalah bergantung kepada kualiti guru. Dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan, aspek pengetahuan guru dan kandungan pedagogi perlu seiringan untuk melahirkan pelajar yang baik. Bahkan, dalam profesyen perguruan, tugas guru bukan sahaja mengajar sesuatu mata pelajaran tertentu tetapi guru juga berperanan sebagai pendidik manusia, justeru itu para guru haruslah memiliki ciri-ciri profesionalisma yang menguasai ilmu teras dan ilmu pedagogi sebagai asas kepada etika dan profesyen perguruan.
- d) Pengkaji menyarankan pihak-pihak berkepentingan khususnya BPI. JAIS supaya dapat melakukan penambahbaikan dan pemerksaan GPI dengan mengadakan seminar atau kursus atau bengkel secara berkala. Di samping itu kajian ini akan menjadi petunjuk kepada kajian-kajian akan datang, khususnya dalam pembinaan dan pembangunan kurikulum masa akan datang.

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, pengkaji mendapati aspek yang paling dititikberatkan adalah tanggungjawab responden sebagai GPI iaitu terhadap profesyen keguruan, pendidikan dan suri tauladan di kalangan pelajar dan komuniti setempat. Namun keupayaan para pelajar untuk menguasai pembelajaran tidak terletak kepada tanggungjawab guru semata-mata, bahkan sewajarnya gandingan semua pihak. Secanggih mana sekali pun kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh guru tidak akan berhasil sebagaimana yang diharapkan sekiranya ibu bapa, masyarakat dan pihak-pihak bertanggungjawab tidak melibatkan secara bersama dalam memberi perhatian dan penekanan pendidikan terhadap anak-anak dan generasi masa hadapan.

RUJUKAN

- Abd Rahman Abd Ghani. (2009). *Pemeliharaan Al-Quran: Kajian Di Unit Kawalan Teks Al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya.
- Abdul Karim Ibrahim 'Iwadh Saleh. (2006). *Al-Muthaf fi Rasm al-Mushaf*. Tanta Mesir: Dar al-Sahabah li al-Turath.
- Ahmad Sunawari Long. (2014). *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ali Muhammad Dabba'. (1999). *Samir al-Talibin Fi Rasm wa Dabt Kitab al-Mubin*. Cet 1. Kaherah: Maktabah al-Azhar li Turath.
- Bahagian Pendidikan Islam. Jabatan Agama Islam Selangor.
- Daud Ismail dan Asyraf Ab. Rahman. (2013). *Sejarah dan Perkembangan Mushaf Uthmani Di Malaysia*. Terengganu: Universiti Malaysia Terengganu
- Dr. Asyraf Muhammad Fuad Tala'at. (2003). *Safir al-'Alamin fi Idah wa Tahrir wa Tahbir Samir al-Talibin fi Rasm wa Dabt al-Kitab al-Mubin*. jilid 1. Brunei: Universiti Brunei Darus Salam.
- Fairuzah Binti Subhi dalam temubual bersama wakil kakitangan Bahagian Pendidikan Islam JAIS, 6 Mei 2015 (8.30 am).
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- https://ms.wikipedia.org/w/index.php?title=Sekolah_Rendah_Agama_Integrasi&action=edit.25/3/2016.
- <http://www.jais.gov.my/faq-page.25/3/2016>.
- <http://www.jais.gov.my/content/tunggak-12-formula-6m-5e> 25/3/2016.